



LPSVN UKK/600-01/05 JILID 2 (18)

SIARAN MEDIA

PROGRAM 'GALI TUBI': MEMPERKUKUH PERSEDIAAN PESERTA MENUJU PENTAS BAKAT MUDA SEZAMAN KE-29

21 NOVEMBER 2025 - Balai Seni Negara menganjurkan **Program 'Gali Tubi'**, sebuah program intensif yang berlangsung dari **15 hingga 25 November 2025** di **Pulau Langkawi, Kedah** sempena **Pertandingan Bakat Muda Sezaman ke-29 (BMS29)**.

Program ini menghimpunkan seramai 30 peserta yang terpilih dan memberi tumpuan kepada kajian lapangan, pemahaman konteks lokasi serta pembinaan asas penghasilan karya. Sepanjang 11 hari pelaksanaan, peserta diberi pendedahan menyeluruh terhadap naratif sosial, budaya, sejarah dan ekologi Langkawi melalui pendekatan 'jelajah', pemerhatian serta interaksi bersama komuniti setempat.

Penganjuran Program 'Gali Tubi' turut mempertemukan peserta dengan barisan fasilitator berpengalaman, merangkumi seniman, kurator, aktivis budaya, dan penyelidik, termasuk Wong Hoy Cheong, Erry Arham Azmi, Azzad Diah Ahmad Zabidi, Zikri Rahman, Mark Teh, dan Sharon Chin. Manakala sesi perkongsian khas menampilkan Harold Reagan Eswar, Adnan Hasan, Zulkefli Jais, dan Izzat Isa. Peserta turut terlibat dalam aktiviti komuniti bersama Geng Bersih Kampung dan Kebun Lisdtari, menjadikan pengalaman bengkel lebih menyeluruh dan bermakna.

Selain itu, lawatan ke lokasi cadangan bagi BMS29 turut diadakan. Antaranya Tugu & Taman CHOGM, Pantai Lagenda, Jeti Pelancongan Kuah, Pulau Tuba, Pulau Pasir, Tapak 0 Kilometer, Pasar Awam Kuah dan Projek Perumahan Rakyat Anggerik Lestari.

Lawatan ini memberi peluang kepada peserta untuk menilai potensi setiap ruang serta memahami hubungan antara ruang, komuniti, dan naratif setempat, seterusnya memperkukuh pemahaman mereka sebelum menghasilkan karya.

Peserta turut menjalani sesi refleksi, pemetaan idea dan pembinaan naratif melalui perbincangan bersama fasilitator. Proses ini merangkumi pemetaan berfasa, perbincangan dalam kumpulan kecil serta sesi *Town Hall* yang memberi ruang kepada peserta membincangkan aspek logistik, keperluan penyelidikan dan persiapan awal dalam menempuh pentas BMS29. Keseluruhan proses ini membantu peserta memperhalusi cadangan karya masing-masing secara lebih kritikal dan terarah, selaras dengan konsep BMS29 iaitu “Lokasi Spesifik”.

Dalam pada itu, Balai Seni Negara merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Bon Ton Resort atas kerjasama mereka dalam menjayakan program ini. Peserta turut berpeluang meninjau operasi studio residensi di Bon Ton Resort, sebagai sebahagian daripada pengalaman program.

Balai Seni Negara juga bakal menganjurkan Majlis Penutup Program ‘Gali Tubi’ pada 24 November 2025, jam 8.00 malam di Dikaki Tower House, Langkawi, Kedah yang akan dihadiri oleh YBrs. Puan Rohana binti Mohd Yusof, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi), Balai Seni Negara.

Menerusi penganjuran ini, Balai Seni Negara berharap Program ‘Gali Tubi’ dapat memantapkan persediaan peserta bagi menghadapi Pertandingan BMS29, sekaligus memperkukuh pemahaman mereka terhadap konsep pertandingan pada edisi kali ini. Hasil cadangan karya yang diperhalusi sepanjang program ini akan dijadikan asas untuk pemasangan karya peserta, yang dijadual bermula pada Mac 2026, diikuti dengan sesi penjurian, pengumuman pemenang, dan pelancaran pameran pada April 2026.

Untuk maklumat lanjut, ikuti media sosial rasmi Balai Seni Negara atau layari www.artgallery.gov.my.

Dikeluarkan:

Unit Komunikasi Korporat

BALAI SENI NEGARA, MALAYSIA

No. 2 Jalan Temerloh, Off Jalan Tun Razak, 53200 Kuala

Lumpur Tel: 03-40267000 Fax: 03-40244998

E: ukk@artgallery.gov.my W: www.artgallery.gov.my

Untuk pertanyaan, sila hubungi:

Balai Seni Negara:

Mohd Zuriyadi Sarpin

T: +60 11 1005 5207

E: zuriyadi@artgallery.gov.my

Intan Syazwina Suhaimi

T: +60 19 998 5884

E: syazwina@artgallery.gov.my